

# Bentuk fizikal bukan pengukur aktif dalam sukan

UB 30.10.2018 AII

Oleh YAP SIONG HAN

**KOTA KINABALU:** Bentuk atau saiz fizikal seseorang bukanlah pengukur bagi seseorang bergiat dalam sukan.

Kebanyakan masyarakat berpendapat bahawa orang yang mempunyai saiz badan berlebihan atau yang dipanggil ‘si comel’ hanya melakukan aktiviti yang memerlukan kurang pergerakan.

Namun, tanggapan negatif bagi sejumlah masyarakat ini dapat ditepis melalui penyertaan mereka dalam acara-acara sukan yang disukai ramai, sekali gus membuktikan bahawa golongan si comel juga mampu melakukan pelbagai perkara.

Baru-baru ini, Pusat Sukan Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menganjurkan Kejohanan Mini Olahraga UMS 2018 terbuka bagi semua mahasiswa dan mahasiswi yang berlangsung di Arena Sukan UMS (Outdoor).

Acara-acara yang dijalankan adalah balapan 100 meter (m), 200m, 400m, 800m dan 1,500m serta acara padang seperti lempar cakera, rejam lembing, lontar peluru, lompat jauh, lompat tinggi dan lompat kijang, yang setiap acara itu terbuka kepada lelaki dan perempuan.

Apa yang menariknya



**RAKAMAN gambar kenangan antara peserta Kejohanan Mini Olahraga UMS**

mengenai kejohanan itu ialah penyertaan daripada pelajar-pelajar yang digelar ‘comel’. Ia menjadi tarikan dalam kejohanan itu seperti dalam acara larian 100 meter perempuan.

Bagi Siti Fitri Bedin, 22, pelajar tahun akhir ijazah dalam bidang Sains Sukan, walaupun mempunyai bentuk badan yang comel, ia tidak mematahkan semangatnya untuk menyertai acara itu.

Pada masa yang sama, beliau mendapat perhatian dan tepukan gemuruh daripada para penyokongnya.

“Walaupun tidak mendapat tempat dalam saringan akhir, namun saya berpuas hati kerana mampu mencabar diri saya untuk memasuki acara 100m pecut dan memperbaharui rekod persendirian.

“Saya menyertai larian ini kerana minat saya sendiri

dan sokongan kuat daripada keluarga serta rakan-rakan membuatkan saya lebih terdorong untuk menyertai acara larian ini,” katanya.

Selain Siti, terdapat juga ramai peserta comel dalam acara seperti lempar cakera, rejam lembing serta lontar peluru.

Antaranya ialah pelajar kejuruteraan UMS, Fitri Nurul Fazira Halim, 22, yang mengatakan aktiviti sukan adalah perkara biasa baginya memandangkan sudah menceburkan diri dalam bidang itu sejak di sekolah rendah.

Katanya, walaupun dengan fizikal comelnya itu, dia masih aktif bersukan menerusi acara lontar peluru dan rejam lembing.

Beliau turut meraih pingat

emas dalam acara lontar peluru dengan jarak lontaran sejauh 7.46 meter dan meninggalkan jauh pesaing terdekatnya di tempat kedua dengan lontaran 7.02 meter.

Dalam acara rejam lembing, beliau mendapat pingat perak setelah tewas kepada pesaing terdekat beliau.

“Saya sangat berpuas hati kerana mampu memberikan saingan kepada peserta yang lain dan sekali gus memenangi acara yang saya minati. Selain itu, ia juga memberi semangat kepada saya untuk terus menceburkan diri dalam bidang sukan,” katanya.

Dengan kemenangan itu, ia membuka mata semua penyokong bahawa golongan comel juga mampu melakukan aktiviti sukan untuk dijadikan sebagai gaya hidup sihat.



SITI (kiri) ketika acara 100m



FITRI (tengah) bersama rakan-rakan menunjukkan pingat yang dimenangi